

SIARAN MEDIA

30 Mac 2017

UNTUK SIARAN SEGERA

PROJEK KAJIAN PENGURUSAN IMPAK MANUSIA DALAM KESELAMATAN MAKLUMAT BAGI NILAI TAHAP KEFAHAMAN TENAGA KERJA SEKTOR AWAM MENGENAI KESELAMATAN SIBER

IPOH, PERAK (30 MAC 2017) – CyberSecurity Malaysia, pusat pakar keselamatan siber nasional, dengan sokongan serta kerjasama Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan hari ini melancarkan Projek Kajian Pengurusan Impak Manusia Dalam Keselamatan Maklumat atau *Human Impact Management System for Information Security (H.I.M.I.S)* bagi menilai dan mengurus tahap kefahaman tenaga kerja sektor awam di Malaysia mengenai keselamatan siber.

Projek ini bertujuan mengurangkan risiko menjadi mangsa jenayah siber terutama bagi kakitangan sektor awam di seluruh negara.

Projek yang dilaksanakan di bawah pembiayaan dana Flagship Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ini disempurnakan pelancarannya oleh YB Dato' Nolee Ashilin binti Mohammed Radzi, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Komunikasi dan Multimedia Negeri Perak di Bangunan Perak Darul Ridzuan, Ipoh mewakili YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Pelancarannya diadakan sempena Seminar Kesedaran Keselamatan ICT peringkat Negeri Perak.

“Risiko keselamatan maklumat kepada Kerajaan berpunca dari kelemahan faktor manusia. Bagi mengurangkan risiko tersebut, warga kerja sektor awam perlu diberi pendedahan dan kesedaran mengenai kepentingan keselamatan maklumat serta amalan terbaik keselamatan siber. Mereka perlu berubah dengan mengamalkan tingkah laku serta etika penggunaan internet secara positif,” kata YB Dato' Nolee Ashilin.



Securing Our Cyberspace



CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



T +603 8992 6888
F +603 8992 6841
H 1 300 88 2999

Corporate Office:
Level 5, Sapura@Mines
No 7, Jalan Tasik
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

www.cybersecurity.my

Justeru, projek H.I.M.I.S menjadi platform untuk mendedahkan penjawat awam khususnya di Negeri Perak dalam memperkasakan diri mereka mengenai pengurusan keselamatan maklumat agar dapat bertingkah laku secara positif dalam penghasilan mutu kerja yang berkualiti serta produktif. Tenaga kerja sektor awam di Negeri Perak harus memandang serius akan perkara ini dengan mengambil inisiatif untuk melengkapkan diri mereka dengan ilmu keselamatan siber, mengamalkan tingkah laku serta etika penggunaan internet yang positif di dalam kehidupan seharian,’ ujar Dato’ Nolee lagi.

Seminar Kesedaran Keselamatan ICT yang diadakan selama sehari bertujuan memupuk kesedaran dalam kalangan warga kerja sektor awam di Negeri Perak mengenai kepentingan keselamatan siber agar mereka menjadi lebih bertanggungjawab dalam menggunakan teknologi internet dan aplikasinya.

Menurut YBhg. Dato’ Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia: “Seminar ini juga memberi pendedahan mengenai lanskap keselamatan siber di Malaysia, di samping menggalakkan proses membudayakan keselamatan siber dalam kalangan penjawat awam. Ini merupakan salah satu inisiatif yang diadakan berdasarkan konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang memerlukan kolaborasi awam dalam memantapkan prasarana keselamatan siber di Malaysia.”

Turut diadakan pada majlis tersebut ialah kempen aku janji tular atau #myviralvow, iaitu satu kempen yang dilaksanakan oleh CyberSecurity Malaysia dalam memperkasa kefahaman orang ramai mengenai isu tular yang semakin berleluasa melalui laman media sosial. Melalui kempen ini, warga digital digesa agar menjadikan internet sebagai platform pengumpulan ilmu yang berguna, mengamalkan tatacara penggunaan internet secara positif, beretika serta bertanggungjawab terhadap sesuatu tindakan yang diambil terutama dalam penyebaran dan perkongsian maklumat serta visual.

Mengenai CyberSecurity Malaysia

CyberSecurity Malaysia merupakan pusat pakar dan teknikal keselamatan siber Nasional di bawah Kementerian, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang bertanggungjawab memantau aspek e-Keselamatan Nasional serta mengenal pasti secara berterusan bidang-bidang yang boleh membahayakan keselamatan Negara dan kesejahteraan rakyat, di samping memberi latihan dan bantuan teknikal dalam pengurusan krisis siber negara.

Untuk maklumat lanjut, hubungi media@cybersecurity.my atau +603-89926888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978) / *Izatun Hanim Shari* (ext: 6940) / Zul Akmal Abdul Manan (ext: 6945).